

Ketua Pemuda: Dr. M tolak anggapan pertandingan proxy

Oleh Razak Rashid Ghows

KOTA KINABALU 8 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak anggapan kononnya pertandingan Ketua Pemuda UMNO Malaysia merupakan pertandingan wakil (*proxy*) di antara beliau dengan Datuk Musa Hitam.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak setuju dengan pandangan tersebut kerana sebagai pemimpin Barisan Nasional dan pemimpin UMNO, beliau tidak harus dikaitkan dengan mana-mana calon dalam apa-apa juga pertandingan yang diadakan dalam parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya reaksinya kepada pandangan kononnya pertandingan yang mungkin diadakan di antara Menteri Pelajaran, Encik Anwar Ibrahim dengan anggota Majlis Tertinggi UMNO, Syed Hamid Albar bagi merebut jawatan Ketua Pemuda sebagai pertandingan *proxy* di antara beliau dengan Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam.

Dalam perhimpunan yang akan diadakan hujung bulan ini, Encik Anwar dijangka akan dicabar sama ada oleh Syed Hamid atau bekas Ketua Pemuda, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin. Turut dicalonkan ialah bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Nahar Shahabuddin.

Menurut beliau, pan-

dangan tersebut sebenarnya ditimbulkan oleh akhbar.

"Akhbar suka mencebritakan perkara-perkara macam ini. Dulu mereka beri gelaran kepada kerajaan sebagai kerajaan 2M, sekarang kerajaan MG."

"Dan bila akhbar mencipta benda ini dan ia tidak berjalan semacam kehendak mereka, kami yang kena marah. Orang mula tanya sebab apa tak ada lagi kerajaan 2M."

Mencabar

"Sebenarnya tak pernah ada kerajaan 2M, itu adalah bentuk yang dibuat oleh akhbar," katanya dalam sidang akhbar di Hotel Tanjung Aru tengah hari ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah melawat dua hari ke Sabah.

Tentang pertandingan yang mungkin berlaku bagi mencabar kedudukan Encik Anwar Ibrahim sebagai Ketua Pemuda UMNO Malaysia dalam perhimpunan agung akhir bulan ini katanya, beliau berkata: "Dulu Anwar lawan dengan Haji Suhaimi. Ia bukan pertandingan *proxy*."

"Saya tak perlu bertanding secara *proxy* dengan siapa-siapa. Saya pemimpin Barisan Nasional dan pemimpin UMNO keseluru-

hannya."

"Saya tak menyebelahi mana-mana calon."

Sementara itu menjawab satu pertanyaan lain, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kenyataannya semalam bahawa kerajaan Barisan Nasional patut dikekalkan dengan kedudukan majoriti 2/3 bukan merupakan satu ancaman kepada para pengundi.

Kenyataan itu kata beliau adalah peringatan Barisan Nasional kepada pengundi-pengundi agar mereka tidak akan silap semasa membuat pilihan da-

lam pilihanraya.

Perdana Menteri menambah, kerajaan Barisan Nasional akan terus menjalankan tanggungjawabnya walaupun ia tidak mendapat 2/3 undi yang dikehendaki tetapi jika berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini yang mengukarkacirkan kestabilan, maka rakyat tidak harus meletakkan kesalahan itu kepada BN.

Pengerusi BN itu juga menjelaskan bahawa kedudukan majoriti 2/3 yang dikehendaki itu adalah kedudukan yang diperolehi melalui kerajaan gabungan Barisan Nasional.